

inSPIREd

richworks.com/inspired

BUSINESS
TALK

3 CARA UNTUK
MEREALISASIKAN
IMPIAN ANDA

SYAFIKAH ED MASVERA

DARI BURGER JALANAN KE RESTORAN



RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

JUAL MOTOR RXZ KESAYANGAN BAYAR YURAN PEMBELAJARAN

Bisnes burger tepi jalan salah satu perniagaan yang popular di negara kita. Siapa sangka bermula dari gerai burger yang kecil, berkembang kepada restoran dan cawangan lain.

Namun, kejayaan itu tidak datang sekelip mata tanpa pengorbanan dan kesungguhan yang dilakukan oleh Syafikah Ed Masvera dan suami tercinta.

TAK SOKONG SUAMI

Syafikah yang bertugas sebagai jururawat pada awalnya tidak menyokong perniagaan yang dijalankan suami kerana suaminya pemegang Ijazah Sarjana Muda.

“Saya tengok dari jauh, untung dapat dalam RM200, RM100 dan kadang-kadang kurang daripada jumlah itu.

“Saya cakap dengan dia, pergilah kerja. Kerja ada duit, setiap bulan ada gaji,” katanya kepada suami yang mempunyai kelulusan dalam bidang kejuruteraan.

Namun, suaminya nekad untuk meneruskan perniagaan dan mengajak Syafikah ke program Nak Ubah Hidup (NUH) pada 2019.

“NUH masa itu kami dah tiga tahun berkahwin, sebagai seorang isteri kita perlu restu apa yang suami kita buat. Mungkin itu yang suami kita minat. Dalam rumah tangga pun kita kena betulkan alignment.

“Benda betul yang kami buat, betulkan

alignment suami isteri. Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman cakap nak buat bisnes kena betulkan *alignment*,” jelasnya.

PENGORBANAN NAK BERJAYA

Pulang dari NUH, pasangan suami isteri ini mengambil keputusan untuk menyertai program Millionaire Marketing Mastery (MMM) pada tahun sama.

“Masa pergi NUH memang tak ada duit, tapi MMM kena bayar yuran. Masa itu saya cakap dengan suami kalau betul nak buat ini waktunya untuk kita mula.

“MMM kami bayar deposit RM2,000 menggunakan semua duit simpanan yang ada, habis terus. Masih ada baki yang kena bayar, lagi pun kami pergi untuk dua orang,” kongsinya.

Sehubungan itu, untuk mencukupkan baki yuran suaminya menjual motor RXZ kesayangan untuk memastikan mereka dapat menyertai program MMM.

KOSONG KE RIBUAN PENGIKUT LIVE

Pengorbanan mereka tidak sia-sia, banyak ilmu pemasaran yang diperoleh dan mengubah bisnes mereka.

"Dalam MMM itu banyak sangat ilmu pemasaran seperti macam mana nak cari pelanggan.

"Masa itu kami masih dalam gerai kecil lagi. Tapi Dr. Azizan kata mesti buat live. Saya terpaksa buat sebab suami saya sibuk masak burger. Dari situ orang mula kenal kami.

"Mula-mula memang tak ada orang tengok, lama-kelamaan cecah ribuan yang tengok live," ujarnya.

Jumlah jualan juga meningkat daripada RM200 naik ke RM600 sehari.

"Kami juga ambil dua pekerja. Jadi ada

suami, saya dan dua pekerja," kata Syafikah.

PERJALANAN RM1 JUTA PERTAMA

Pada 2020, dari gerai kecil dengan sebuah kuali mereka membuka gerai burger baharu yang lebih besar dengan tiga kuali sekali gus jumlah jualan meningkat.

"Seterusnya pada 2020, alhamdulillah kami buka restoran burger dan makanan Barat pertama, Fud's Burger di Kluang," katanya.

Syafikah juga mengambil keputusan meninggalkan kerjaya sebagai jururawat pada Oktober 2020.

"Masa perintah kawalan pergerakan (PKP), frontliner memang sangat penat.

"Seminggu sebelum restoran buka, waktu itu adalah hari akhir saya jadi jururawat. Saya nak fokus dengan bisnes," ujarnya.



WE ARE ST
TOGETHER



RM1 JUTA PERTAMA

Baru sahaja seminggu restoran beroperasi, kerajaan mengumumkan PKP.

"Masa itu saya rasa ujian apa ini, tapi rakan-rakan di RichWorks cakap ujian dan masalah datang sebagai peluang," kongsinya.

Semasa PKP, dengan menggunakan ilmu yang diperolehi dari RichWorks, syarikatnya meraih RM1.6 juta.

Sehubungan itu, pada Oktober 2022 Syafikah mengambil keputusan menyertai SPIRE untuk memastikan dirinya sentiasa memperoleh ilmu perniagaan yang

up to date dan lebih penting lagi untuk mengembangkan perniagaan.

Alhamdulillah, pada 2022, jualan Fudika Global Sdn.Bhd. meningkat bukan hanya RM1 juta tetapi kepada RM2.4 juta.

Pada tahun ini juga, mereka telah menambah lagi satu cawangan baharu menjadikan kini mereka memiliki dua buah restoran.

"Cabarannya buka kedai mungkin tak susah, tapi nakkekalkan jualan, jaga team dan kepimpinan untuk diri sendiri amat penting," tegasnya.



PENCAPAIAN

Selepas empat bulan menyertai MMM, Syafikah menghadiahkan sebuah kereta Bezza baharu kepada ibu mertua dan kereta Honda Civic kepada ibu sendiri.

“Walaupun ibu mentua saya seorang cikgu, tapi tak pernah ada kereta baru. Sebelum ini hanya beli kereta *second hand* sahaja.

“Dulu tak boleh nak buat apa-apa, nak tolong dia baiki kereta rosak pun kita berkira-kira,” katanya.

Selain dapat menghadiahkan kereta baru, Syafikah dan suami juga dapat melakukan ubah suai rumah untuk keselesaan ibu bapa mereka.

“Alhamdulillah, dapat renovate rumah mertua dan mak saya.

“Dulu big why mungkin untuk saya dan keluarga, tapi sekarang saya sudah ada 30 orang pekerja. Impian saya jadi semakin besar.

“Sekarang masa saya tolong anak muda pula bina kerjaya dengan kami,” kongsi Syafikah.

Beliau turut gembira melihat ekonomi pekerja bertambah baik.

“Kalau saya dapat cakap dengan Dr. Azizan saya nak ucapkan terima kasih, hidup kami sangat banyak berubah,” luahnya.



FUD'S

ROTI JOHN
Premium





PESANAN

1

PERTAMA, KITA MESTI TAHU APA YANG KITA NAK DALAM HIDUP KITA.

“Saya bekerja selama sembilan tahun sebagai jururawat, mak dan ayah juga penjawat awam. Jadi bila pergi kelas Dr. Azizan saya tertanya-tanya macam mana orang boleh tinggalkan kerja semata-mata nak buat bisnes.

“Sebelum saya nak berhenti dulu, saya tertanya-tanya, apa sebenarnya yang saya nak dalam hidup saya,” katanya.

2

KEDUA, CARI MENTOR YANG BETUL.

“Berbisnes bukan mudah, perlu ada bimbingan daripada mentor yang betul,” tegasnya.

3

KETIGA, JANGAN BERHENTI TUNTUT ILMU.

“Selama dua tahun saya guna ilmu MMM, sampai masa kena tambah ilmu dengan mengikuti Spire. Belajar jangan berhenti,” nasihat Syafikah kepada bangsa usahawan dan individu yang mahu memulakan perniagaan.

BUSINESS TALK



3 CARA UNTUK MEREALISASIKAN IMPIAN ANDA

SETIAP ORANG DI DUNIA INI PASTI ADA IMPIAN MEREKA YANG TERSENDIRI TERMASUKLAH ANDA. IA HANYA BERGANTUNG KEPADA KITA SAMA ADA KITA MAHU BERUSAHA MEREALISASIKANNYA ATAUPUN MEMBIARKAN SAJA UMPAMA MIMPI-MIMPI DI MALAM HARI.

JIKA ANDA MAHU BETUL-BETUL MENDAPATKANNYA, DI SINI ADA 3 TIP YANG BOLEH MEMBANTU ANDA. IA MUNGKIN KELIHATAN SULIT PADA AWALNYA NAMUN PERCAYALAH SEGALANYA AKAN BERBALOI DI AKHIRNYA. JANGAN MENGALAH USAHAWAN, BERJUANGLAH HINGGA KE TITISAN DARAHMU YANG TERAKHIR!

1

YAKIN DAN POSITIF

Ini adalah tulang belakang untuk semua jalan bagi mencapai impian anda. Semakin positif anda, semakin dekat anda kepada peluang dan kejayaan. *Law of Attraction* menyatakan bahawa apa sahaja yang anda lakukan akan kembali kepada anda.

Jadi apabila anda melihat yang terbaik dalam sesuatu perkara dan memandang tinggi terhadap diri, anda akan mula menarik orang dan situasi yang betul ke dalam hidup anda yang akan membawa

anda kepada perkara yang diinginkan.

Fikirkanlah, ketika anda berasa sedih dan kecewa, anda mungkin tidak begitu jelas tentang apa yang hendak dilakukan. Anda mungkin melihat segalanya dengan perasaan bimbang dan bukannya membuat '*networking*' atau memulakan perbualan menarik yang mungkin mengubah hidup anda. Orang yang bahagia dan berjaya mengelilingi diri mereka dengan orang lain yang positif. Oleh itu, jadilah seorang individu yang yakin, positif dan menghargai perkara kecil dan juga besar.

2

FOKUS KE HADAPAN & VISUALISASIKAN IMPIAN ANDA

Anda mungkin berasa kecewa apabila membayangkan betapa panjangnya perjalanan yang perlu anda tempuh untuk mencapai kejayaan yang diidamkan terutamanya apabila anda mempunyai halangan yang tidak dapat dielakkan.

Inilah sebabnya mengapa sangat penting untuk fokus ke hadapan dan memvisualisasikan impian anda setiap hari. Kemungkinan besar, impian anda tidak akan menjadi kenyataan dalam sekilip mata. Tetapi jika anda menumpukan perhatian ke hadapan dan

dapat melihat impian anda dalam fikiran anda sebelum ia berlaku, maka dalam keadaan separa sedar anda tahu apa yang perlu dilakukan.

Semasa anda menumpukan perhatian ke hadapan, bayangkan peluang indah muncul di hadapan anda. Bayangkan betapa gembiranya anda menjalani kehidupan impian anda. Benarkan diri anda menikmati perasaan ini dan bergembira dengannya.

Proses ini boleh jadi lebih mudah jika anda menulis segala impian dan matlamat yang anda impikan seperti yang selalu ditekankan oleh Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

Intinya adalah untuk berhubung dengan perasaan anda pada masa depan supaya anda merasakannya sekarang. Jika anda boleh melakukan ini, maka anda sudah separuh jalan ke sana kerana anda sudah berasa hebat! Anda akan meningkatkan getaran anda lebih dekat dengan getaran impian anda. Anda akan yakin dan lebih positif, ia akan membuatkan anda melakukan tindakan bagi menjadikan impian anda menjadi kenyataan!

3

JANGAN DENGAR KATA-KATA NEGATIF

Selalunya apabila seseorang individu

itu mempunyai impian yang besar, akan ada individu lain yang akan cuba menariknya ke bawah. Mereka mungkin akan memberi amaran kepada anda dan mengatakan mimpi anda tidak akan ke mana dan sekadar kisah dongeng.

Maka dengan itu anda akan mulai mengalah dan tidak percaya pada diri sendiri. Jangan dengar cakap mereka! Jika anda mempunyai impian dalam hati dan ingin mencapainya, maka anda BOLEH memiliki.

Ingat, jika anda betul-betul ingin mendapatkannya, maka ada 1001 cara untuk mencapainya!

Percaya dan rasai impian anda sebelum ia wujud secara fizikal. Ini adalah prinsip asas dalam *Law of Attraction*.

Kekalkan impian anda dan jangan dengar cakap mereka yang fikir ia mustahil untuk dilakukan. Jelas terdapat ratusan dan ribuan contoh orang yang berjaya dan mewujudkan impian mereka walaupun orang sekeliling cuba untuk menafikannya. Ini adalah orang yang perlu anda contohi danjadikan inspirasi dalam kehidupan anda.

Moga segala impian anda tercapai suatu hari nanti. *Insya-Allah, trust the process!*



EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA


DALAM

Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!**

+

**Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga RM497**

100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X BINA BISNES BERJAYA 2023

2-3 SEPTEMBER 2023
IDCC, SHAH ALAM

DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN



DAFTAR SEKARANG
binabisnesberjaya.com
Rebut Tempat Duduk Anda Sekarang!

inSPIREdTM

E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

PENAFIAN: Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.